

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menjayakan pelaksanaan undang-undang syariah Islam yang melibatkan jenayah dapat dilaksanakan dalam negara kita selaras dengan Islam sebagai agama rasmi khususnya bagi umat Islam.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha ke arah memartabatkan undang-undang Syariah sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan.

Dalam hal ini, Kerajaan dengan kerjasama negeri-negeri, sentiasa berusaha bagi memastikan undang-undang Syariah dapat dilaksanakan melalui cadangan untuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaiktaraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

SOALAN : 393

Y.B. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan antara kerosakan teruk yang diakibatkan oleh banjir besar yang lepas ialah perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTMB) yang menghubungkan negeri Kelantan dengan negeri luar dan juga antara stesen-stesen kecil tempatan. Bilakah perkhidmatan ini akan dapat dipulihkan sepenuhnya. Adakah Kementerian tidak berhasrat untuk memasukkan negeri Kelantan sebagai sebuah negeri laluan kereta api laju yang akan dibina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Banjir besar yang melanda sektor Pantai Timur bagi laluan Kuala Lipis ke Tumpat pada bulan Disember 2014 telah mengakibatkan kerosakan teruk kepada infrastruktur keretapi dan stokereta menjadikan sektor ini tidak selamat untuk operasi keretapi.

Kerosakan-kerosakan kepada aset KTMB yang berlaku adalah seperti berikut:

- i. Landasan keretapi
Landasan keretapi telah mengalami *washout* dan mengakibatkan landasan tergantung, tebing landasan dan jambatan runtuh serta kerosakan jentera penyelenggaraan landasan.
- ii. Sistem semboyan dan komunikasi
Peralatan sistem semboyan dan komunikasi yang mengawal pergerakan tren telah ditenggelami air banjir dan mengalami kerosakan.
- iii. Stokereta
Stokereta seperti lokomotif, gerabak penumpang dan koc pembekal kuasa (*generator*) telah ditenggelami banjir dan mengalami kerosakan.

- iv. Bangunan kuarters, stesen, pejabat, perhentian, bengkel penyelenggaraan dan bangunan penginapan kru tren
Bangunan, stesen dan kuarters rosak akibat ditenggelami air selain dihanyutkan arus banjir.

- v. Peralatan pejabat, peralatan komputer dan kenderaan

Kerajaan telah menyediakan program pemulihan infrastruktur keretapi dan stokereta bagi sektor Kuala Lipis ke Tumpat yang terjejas akibat banjir untuk membolehkan perkhidmatan keretapi kembali beroperasi. Program pemulihan ini akan mengambil masa antara 12 hingga 24 bulan untuk siap. Kerja-kerja dijangka akan mula dilaksanakan pada bulan Mei 2015.

Pada masa ini, Kerajaan masih belum ada perancangan berhubung pembinaan laluan kereta api laju melalui negeri Kelantan.